

Bil. 80

**Isnin
13 Disember 2010**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas atas soalan tambahan yang dikemukakan. Saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa sekiranya dibandingkan dengan kos hidup yang semakin meningkat pada hari ini, bantuan sebanyak RM100 untuk setiap anak memang tidak mencukupi. Namun di samping itu juga kita menggalakkan supaya ibu tunggal berkenaan untuk bekerja bagi meringankan beban yang ada.

Bagi menjawab soalan kedua iaitu tentang pengambilan pelajar-pelajar iaitu anak-anak ibu tunggal harus diberikan keutamaan berkaitan dengan pengambilan di institusi pengajian tinggi khususnya di institusi pengajian tinggi awam. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa selain daripada pencapaian akademik, soal latar belakang anak-anak ibu tunggal ini haruslah diberikan keutamaan. Saya percaya perkara ini sebenarnya telah pun diberikan perhatian oleh Kementerian Pengajian Tinggi kita. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

■1130

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN DAN PELUASAN) 2010

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan untuk memperluaskan peruntukan tertentu ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PENCEMARAN MINYAK) (PINDAAN) 2010

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.